

## **Peranan Ibu Bapa Dan Guru Dalam Membentuk Kemenjadian Murid Di Sekolah Menengah**

Nor Anisah Abd Razak  
[nor\\_anisah\\_abd@sbm.uum.edu.my](mailto:nor_anisah_abd@sbm.uum.edu.my)  
*Universiti Utara Malaysia*

Mohamad Khairi Haji Othman  
[m\\_khairi@uum.edu.my](mailto:m_khairi@uum.edu.my)  
*Universiti Utara Malaysia*

### **ABSTRAK**

Kehidupan remaja zaman kini dapat menyaksikan akhlak semakin direndahkan dalam pembentukan jati diri. Pelbagai perkara-perkara negatif telah mempengaruhi pemikiran remaja sehingga pembentukan diri sukar untuk dilaksanakan dengan berkesan. Oleh itu, tujuan penyelidikan ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti peranan ibu bapa dan guru dalam membentuk kemenjadian murid di sekolah menengah khususnya dalam aspek *as-syaja'ah*, *al-iffah* dan *al-hikmah*. Kaedah kajian tinjauan deskriptif secara kualitatif kajian kes telah dijalankan di salah sebuah sekolah menengah harian. Beberapa orang peserta kajian yang terdiri daripada pentadbir, guru dan ibu bapa pelajar terlibat dalam sesi temubual yang dijalankan. Kajian mendapati masalah yang dihadapi oleh Ibu bapa dan guru ialah faktor teknologi dan faktor kekeluargaan. Kesimpulannya, masalah dan cabaran yang telah dikemukakan dalam kajian ini amat penting untuk pembentukan kemenjadian murid supaya golongan ini dapat menjadi pemimpin yang bertanggungjawab pada masa akan datang.

**Kata Kunci:** Peranan; guru; ibu bapa; kemenjadian murid; sekolah menengah.

## **The Role of Parents and Teachers in Shaping the Development of Students in Secondary Schools**

### **ABSTRACT**

The life of today's teenagers can see morals increasingly degraded in the formation of identity. Various negative things have affected the thinking of adolescents so that self-formation is difficult to implement effectively. Therefore, the purpose of this research is to identify the role of parents and teachers in shaping the future of students in secondary schools, especially in the aspects of *as-syaja'ah*, *al-iffah* and *al-hikmah*. Qualitative descriptive survey research method of case study was conducted in one of the day secondary schools. Several study participants consisting of administrators, teachers and parents of students were involved in the interview sessions conducted. The study found that the problems faced by parents and teachers are technological factors and family factors. In conclusion, the problems and challenges that have been presented in this study are very

important for the formation of students so that this group can become responsible leaders in the future.

**Keywords:** Roles; teachers; parents; discipleship students; secondary school.

## PENDAHULUAN

Faktor persekitaran dan suasana sekolah yang kondusif memberi kesan terhadap pembentukan sesebuah iklim dan budaya di sekolah. Para sarjana berpendapat bahawa iklim dan pengaruh persekitaran merupakan satu perkara yang penting dalam menentukan dan membentuk watak, cara berfikir, sikap dan pembangunan pihak sekolah serta ibu bapa. Menurut Cohen dan Thapa (2017), iklim sekolah juga mencerminkan norma, matlamat, nilai, hubungan interpersonal dan tujuan yang mewakili misi pendidikan sosial yang lebih luas di sekolah.

Pada zaman pendidikan kini, kita pasti ingin melihat hasil dan kesan yang baik kepada para pelajar tentang pengajaran dan pembelajaran yang telah diperolehi sepanjang sesi persekolahan berlangsung. Oleh itu, pelajar seharusnya telah mencapai matlamat dan objektif yang ditetapkan oleh pihak guru, sekolah dan ibu bapa. Azmina, Saemah dan Ruslin (2014) menyatakan pembentukan kemenjadian murid merupakan hasil yang ingin dilihat sehingga tamat persekolahan melalui beberapa pengukuran dan penilaian yang dilakukan terhadap pelajar untuk memperolehi sesuatu yang ditentukan.

Kemenjadian murid merupakan pelajar yang dididik secara holistik dalam pengurusan sekolah yang cekap dan dapat mencapai potensi sepenuhnya. Dapatan melalui akhbar Berita Harian *Online* pada 24 April 2018 menyatakan bahawa penting sebagai orang Islam untuk belajar mendidik dan orang di bawah tanggungjawab kita dengan cara Islam menerapkan pendidikan akhlak. Pembentukan kemenjadian murid dikaitkan melalui penerapan terhadap penguasaan pengetahuan, kemahiran, berbudi pekerti, bertanggungjawab dan mencapai kesejahteraan diri yang dinyatakan dalam kumpulan kedua Standard Kualiti Pendidikan Malaysia.

Satu platform telah disediakan iaitu pentaksiran terhadap pembentukan kemenjadian murid untuk menilai serta mencungkil potensi dan bakat yang bersesuaian dengan kerjaya mereka secara holistik selepas meninggalkan alam persekolahan. Pembentukan kemenjadian murid memainkan peranan penting terhadap tiga aspek utama di sekolah iaitu akademik, kokurikulum dan sahsiah diri. Penilaian ini dilaksanakan untuk mengenalpasti kecenderungan minat dan bakat setiap pelajar sebelum melanjutkan pelajaran ke arah bidang yang diminati dan sesuai seperti perancangan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013).

## PENYATAAN MASALAH

Pembentukan kemenjadian murid dalam sesebuah institusi sekolah memainkan peranan yang sangat penting. Hal ini demikian kerana golongan remaja merupakan pewaris atau pemimpin negara pada masa akan datang. Namun, saban hari tingkah laku individu terutamanya golongan remaja tidak menampakkan bahawa mereka mempunyai sifat pemimpin yang berwawasan dan bertanggungjawab. Dapatan melalui akhbar Berita Harian *Online* pada 24 April 2018 menyatakan bahawa hari ini kita menyaksikan akhlak semakin direndahkan dalam pendidikan jati diri oleh sebahagian masyarakat dan sifat jujur dan amanah semakin

dipinggirkan sehingga mengakibatkan kejahatan seperti penipuan. Rasuah dan salah guna kuasa. Pelbagai perkara-perkara negatif telah mempengaruhi pemikiran remaja sehingga pembentukan diri sukar untuk dilaksanakan dengan berkesan.

Menerusi kenyataan daripada Menteri Kanan Pendidikan Malaysia Senator Datuk Dr. Mohd Radzi Md Jidin melalui sidang media Astro Awani *Online* pada 8 Jun 2021 menyatakan kejayaan PDPR ini sebenarnya amat bergantung kepada komitmen pelbagai pihak berkepentingan dalam memastikan kemenjadian murid, sebagaimana yang dihasratkan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) melalui Enam Aspirasi Murid yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2015. Hal ini menunjukkan pembentukan kemenjadian murid merupakan elemen utama dalam bidang pendidikan tidak kira sama ada pengajaran dan pembelajaran dijalankan secara bersemuka di sekolah mahupun pembelajaran atas talian di rumah.

Remaja atau pelajar amat mudah meniru tingkah laku atau akhlak seseorang yang dikaguminya sama ada secara sedar atau sebaliknya. Teguran dan nasihat yang perlu ditunjukkan pada golongan ini di sekolah adalah melalui tingkah laku atau teladan yang baik. Seperti yang kita lihat pada hari ini, remaja mudah meniru individu lain seperti gaya percakapan, pemakaian, tingkah laku atau apa-apa sahaja. Pelajar juga mudah terpengaruh dengan gambar-gambar atau kata-kata yang menunjukkan sudut psikologi diri mereka. Ibu bapa dan guru perlu bijak memainkan peranan dalam membentuk kemenjadian murid di sekolah menengah.

Ia dapat dilihat melalui beberapa aspek seperti kurang mendapat motivasi dan penghargaan sendiri yang rendah sehingga berlakunya gejala sosial yang telah meruntuhkan akhlak pelajar-pelajar pada hari ini. Isu-isu mengenai salah laku yang kecil mahupun besar sering dipaparkan di media sosial, berita dan sebagainya. Hal ini memberi kebimbangan kepada masyarakat sekeliling mengenai masa depan keluarga dan negara.

Kajian-kajian lepas menunjukkan kajian tentang peranan ibu bapa dan guru dalam membentuk kemenjadian murid di sekolah menengah tidak banyak dijalankan. Kajian pembentukan kemenjadian murid memfokuskan kepada penglibatan ibu bapa dan komuniti dalam memperkasakan sekolah yang dilakukan oleh penyelidik Halimah Abdul Majid, Eow Yee Leng dan Chuah Beng Ean (2017). Kajian seterusnya ialah kemenjadian pelajar berasaskan strategi dan pelaksanaan iklim dini: satu konseptualisasi yang dijalankan oleh Raihan Mohd Arifin dan Kamarul Shukri Mat Teh (2019) dan kajian mengenai peranan dan tindakan guru kaunseling dalam mengatasi masalah disiplin pelajar oleh Nur Farahin Che Mohamad Ilias, Fazhani Che Mat Zain, Sarah Nadirah Mohammad Kama dan Mohd Mahzan Awang (2016).

Apabila pembentukan kemenjadian murid tidak dapat dilaksanakan, perkara ini memberi kesan terhadap kemerosotan pencapaian akademik pelajar. Kegagalan pelajar memberi kerugian kepada pelajar dek kurangnya modal insan yang baik, kurangnya sumber tenaga pekerja mahir dan separa mahir pada peringkat persaingan antarabangsa pada masa kini. Persoalan yang sering timbul dalam kalangan masyarakat hari ini ialah 'apakah pihak sekolah selaku institusi pendidikan gagal menangani isu ini? Bagaimanakah remaja boleh bertingkah laku sedemikian? Adakah ia berkaitan dengan status sosio ekonomi keluarga yang rendah mempengaruhi fenomena tersebut? Bagaimana peranan ibu bapa dan keluarga membentuk kemenjadian murid di rumah?

Dari sudut gaya asuhan ibu bapa terhadap anak-anak sering dikaitkan dengan status sosio ekonomi yang rendah. Hal ini juga termasuklah penghargaan sendiri, pencapaian akademik dan tingkah laku seseorang pelajar dalam satu-satu masa. Gaya asuhan keibubapaan dari segi autokratik, autoritarian dan demokratik turut dibawah pengaruh status sosio ekonomi. Apabila gaya asuhan keibubapaan tidak tepat akan memberi kesan kepada personaliti remaja malah ia akan menjadi sukar untuk dibendung dan dikawal.

Seterusnya ialah penglibatan ibu bapa yang kurang dalam pembelajaran anak-anak. Penglibatan yang kurang oleh ibu bapa boleh menjadi salah satu punca pembentukan kemenjadian murid itu kurang berkesan. Ibu bapa yang kurang mengambil berat terhadap pembelajaran anak-anak terutamanya apabila pihak sekolah mengadakan program atau perjumpaan antara ibubapa dan guru seperti mesyuarat PIBG, temu murni dan sebagainya di sekolah. Oleh itu, keberangkalan ibu bapa tidak memainkan peranan dalam membentuk kemenjadian murid bersama pihak sekolah.

Pengaruh pada masa kini seperti media sosial dan permainan video menyukarkan lagi proses dan penerapan pembentukan kemenjadian murid dilaksanakan. Kesan-kesan negatif dapat dilihat apabila peningkatan kes salah laku disiplin dan ketidakhadiran pelajar ke sekolah sudah cukup menggambarkan keadaan tingkah laku pelajar pada hari ini. Bagi membendung perkara ini terus membelenggu diri pelajar, peranan ibu bapa dan guru perlu menerapkan nilai-nilai yang baik bagi membentuk kemenjadian murid.

Pembentukan kemenjadian murid dapat diterapkan melalui aspek *as-syaja'ah* dalam melahirkan individu yang seimbang. Antara elemen-elemen yang perlu ada dalam diri pelajar adalah mempunyai cita-cita yang tinggi, berjiwa besar, tabah dan keberanian. Namun ia sukar untuk diterapkan disebabkan beberapa kekangan. Isu ini dinyatakan melalui Akhbar Sinar Harian pada 13 Disember 2019, daripada keputusan itu, nampaknya matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang meletakkan matlamat utama ke arah melahirkan individu seimbang dan harmoni dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berasaskan pegangan teguh dan kepercayaan kepada Tuhan masih belum tercapai sepenuhnya.

Penerapan aspek *al-hikmah* untuk melahirkan pelajar celik akal memerlukan peranan daripada ibu bapa dan guru. Pembentukan ini menimbulkan pelbagai isu dan perlu mengambil berat oleh semua pihak supaya pelajar menjadi seorang insan yang celik akal dan rasional dalam membuat keputusan. Dalam konteks pendidikan di Malaysia, SPM peperiksaan kebangsaan peringkat menengah atas untuk mengukur aras pemikiran, kebolehan dan kemahiran pelajar dalam subjek tertentu (Berita Harian *Online*, 17 Disember 2018).

*Al-iffah* merupakan satu aspek dalam memperbaiki dan membentuk tingkah laku pelajar ke arah yang lebih baik supaya maruah pelajar dapat dijaga disamping mengukuhkan keimanan yang terdapat dalam diri. Sifat malu seharusnya dipupuk sejak kecil oleh ibu bapa kerana sifat itu akan menjaga diri anak apabila meningkat dewasa dan berjauhan daripada ibu bapa kelak. Antara cara memupuk sifat malu adalah dengan memberi kefahaman mengenai sifat ihsan (Berita Harian, 3 Februari 2015).

Oleh itu, berdasarkan senario ini maka satu kajian dijalankan bagi memastikan peranan ibu bapa dan guru dalam membentuk kemenjadian murid melalui konsep *as-syaja'ah*, *al-hikmah* dan *al-iffah* perlu dicapai dengan baik dan lancar. Pihak sekolah juga perlu mengenal pasti peranan dan program-program yang sesuai dan benar-benar dapat membantu kemenjadian murid terlaksana.

## OBJEKTIF KAJIAN

Objektif Kajian ini adalah untuk:

1. Mengenal pasti konsep *as-syaja'ah*, *al-iffah* dan *al-hikmah* yang diterapkan oleh ibu bapa dan guru.
2. Mengenal pasti masalah dan cabaran dalam membentuk kemenjadian murid dalam konsep *as-syaja'ah*, *al-iffah* dan *al-hikmah*.

## PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan permasalahan kajian, kajian ini cuba untuk menjawab soalan kajian berikut:

1. Bagaimanakah guru-guru sekolah dan ibu bapa menerapkan konsep *as-syaja'ah*, *al-iffah* dan *al-hikmah* dalam membentuk kemenjadian murid di sekolah?
2. Apakah cabaran dan masalah dalam membentuk kemenjadian murid *as-syaja'ah*, *al-iffah* dan *al-hikmah*?

## METODOLOGI

Kajian ini berbentuk tinjauan deskriptif dengan menggunakan kaedah kualitatif. Dalam kajian kualitatif, *rappo* antara penyelidik dan responden adalah perlu untuk mengurangkan kebimbangan dan pembinaan kepercayaan (Glesne,1999). Peserta kajian ini adalah terdiri daripada lima orang guru dan enam orang ibu bapa pelajar di salah sebuah Sekolah Menengah Kebangsaan yang telah dipilih secara rawak mudah untuk membuat ditemubual dan pemerhatian. Instrumen kajian yang digunakan oleh penyelidik dan dianggap kedua-dua kaedah ini sebagai kunci utama bagi berbentuk kualitatif.

Metodologi kajian merupakan kaedah yang penting untuk melaksanakan dan menyempurnakan kajian dari awal sehingga akhir kajian. Noraini (2010) pernah menyatakan bahawa metodologi merupakan bahagian yang sangat penting kerana ia akan menjelaskan kepada pembaca tatacara dan proses yang akan dilakukan untuk menyelidik permasalahan yang timbul. Menurut Sabitha (2004), kejayaan sesuatu kajian adalah bergantung kepada kaedah kajian yang dipilih berdasarkan kepada objektif dan jenis penyelidikan yang dijalankan.

Kajian ini menggunakan instrumen temubual untuk mendapatkan maklumat alam penyelidikan ini. Instrumen ini dipilih kerana mempunyai perkaitan dengan kajian kualitatif. Kaedah Temubual ini dijalankan terhadap 11 orang peserta yang terdiri daripada lima orang guru dan enam orang ibu bapa pelajar yang akan dianalisa untuk mendapatkan persepsi mereka terhadap pembentukan kemenjadian murid di sekolah berkenaan. Penyelidik menjalankan sesi temubual menggunakan soalan-soalan yang telah disediakan kepada peserta kajian. Teknik temubual ini sangat penting agar tidak berlaku jurang antara responden dengan penyelidik.

Kaedah kedua yang digunakan dalam kajian ialah kaedah pemerhatian dimana cara pengumpulan data tanpa melibatkan komunikasi secara langsung dengan responden. melalui kaedah ini, pengumpulan data tanpa bertnya kepada responden. Kajian ini melakukan pemerhatian tidak berstruktur. Pemerhatian tidak berstruktur dikatakan penyelidik melakukan pemerhatian secara bebas dan menganggap semua aspek adalah penting. Suseela

(2001) menyatakan maklumat yang dikumpulkan daripada pemerhatian dapat membekalkan maklumat dan mampu menambahkan kebolehpercayaan kepada penyelidikan yang dijalankan. Penyelidik juga tidak perlu untuk berpura-pura atau berperwatakan formal bagi mendapatkan maklumat.

Oleh itu, bahagian metodologi ini telah menjelaskan tentang kaedah kajian yang dipilih oleh penyelidik untuk menyempurnakan kajian ini. Kaedah ini dapat memperjelaskan lagi proses mengumpul dan menghuraikan cara untuk menganalisis data yang merupakan perkara utama untuk mencapai objektif sesuatu kajian.

## DAPATAN KAJIAN

### **Kaedah Ibu bapa dan guru Menerapkan Konsep *As-Syaja'ah*, *Al-Iffah* dan *Al-Hikmah* dalam Membentuk Kemenjadian Murid di Sekolah kepada Pelajar.**

Penerapan konsep *As-Syaja'ah*, *Al-Iffah* dan *Al-Hikmah* dalam membentuk kemenjadian murid perlu dilakukan sejak usia kanak-kanak lagi. Pada usia yang muda, pembentukan diri mudah diterangkan dengan nilai-nilai murni.

#### **a) *As-Syaja'ah***

Penerapan aspek *As-Syaja'ah* merangkumi berjiwa besar dan mempunyai cita-cita yang tinggi dalam membentuk kemenjadian murid di sekolah menengah. Oleh itu, pelbagai pihak memainkan peranan terutamanya ibu bapa dan pihak pentadbir sekolah. Antara pernyataan yang diberikan adalah seperti berikut:

*“berjiwa besar ni selalunya kita boleh kategorikan dia ni dari sudut ni obses la kan..sebab dia ada jati diri yang tinggi.. dia ada nilai-nilai murni yang pelajar-pelajar perlu ada laa.. dan dia pon orang kata maksudnya dia boleh berdikari.. disamping empati .. dia dapat membantu orang lain.. bekerjasama dengan orang lain.. dia bukanlah seorang yang emotional.. bila kata berjiwa besar ni.. dia adalah orang yang berani ke depan.. cuba capai apa yang dia nak.. jadi pelajar-pelajar macam ni la yang kita nak.. kita lahirkan pelajar macam ni.. berani ni pulak kita nak terapkan macam mana kita nak seseorang pelajar tu berani bila depa berdepan dengan risiko... tak kira la kan depa duk luar sekolah ka.. dalam sekolah tak pa kita cikgu-cikgu ni ada.. Unit Kaunseling ada.. disiplin kita ada.. PKHEM kita ada.. tapi macam mana kita nak pelajar tu berani menghadapi bahaya.. kalau boleh kita mereka ni lebih berhati-hati dengan sesiapa pun mereka kenal..”.*

(Pengetua Sekolah (P) / 25.6.2021)

Berdasarkan pemerhatian penyelidik, guru-guru banyak melaksanakan pelbagai aktiviti untuk membangkitkan motivasi pelajar dari segi melahirkan murid yang berjiwa besar dan mempunyai cita-cita yang tinggi.

***b) Al-Iffah***

Penerapan dari sudut aspek *Al-Iffah* dapat dilihat melalui menerapkan sifat sopan-santun melalui tingkah laku pelajar di sekolah dan rumah.

“Kita boleh lihat semasa pelajar-pelajar datang ke sekolah, guru-guru yang bertugas dan guru kaunseling akan menyambut kedatangan pelajar melalui dua pintu pagar untuk menunjukkan bahawa kita nak lihat mereka berjaya dan bersemangat datang ke sekolah. Saya selalu ingatkan pelajar supaya apabila bertemu dengan guru berilah salam atau selamat sejahtera atau selamat pagi”.

(PKHEM / 24.6.2021)

Pemerhatian yang dilakukan oleh penyelidik menunjukkan bahawa beberapa orang ibu bapa sentiasa peka dan mengambil tahu tentang perkembangan anak-anak dari sudut akademik, kokurikulum dan sebagainya bagi menjamin tingkah laku anak mereka berada dalam pengawalan ibu bapa.

***c) Al-Hikmah***

Pegangan agama menjadi terasa dalam membentuk kemenjadian murid berdasarkan aspek kerohanian dan keagamaan bagi meningkatkan kecerdasan minda dan ingatan.

“Sebagai guru matapelajaran Pendidikan Islam, saya main peranan dalam pengurusan kerohanian dengan dibantu oleh ustaz dan ustazah di sekolah ini. Macam waktu Zohor, sebelum ada SOP pelajar-pelajar akan ke surau tetapi kami akan wajibkan pelajar tingkatan 3 dan tingkatan 5 kerana ruang surau hanya boleh muat 30 hingga 40 orang sahaja pada satu-satu masa. Satu lagi sebab mereka akan menduduki peperiksaan yang besar. Jadi kami terapkan mereka untuk berdoa dan tawakal kepada Allah SWT. Saya juga selalu berpesan supaya orang yang berjaya merupakan orang yang tidak pernah lalai dalam mengerjakan ibadat kepada Allah SWT”.

(Guru Subjek (GS) / 19.06.2021)

Pemerhatian yang dilakukan oleh penyelidik semasa waktu PdPC dan PdPR adalah nilai patuh pada arahan guru, bekerjasama dan berdisiplin. Pelajar menunjukkan suasana hubungan antara guru dan pelajar adalah baik. Hubungan ini dapat dilihat melalui guru menyambut kedatangan dan kepulangan pelajar. Setiap arahan yang diberikan oleh guru semasa kelas PdPC dapat diikuti mengikut arahan dengan sempurna.

**Cabaran dan Masalah dalam Membentuk Kemenjadian Murid melalui *As-Syaja'ah*, *Al-Iffah* dan *Al-Hikmah* kepada Pelajar.**

Selain kaedah dan faktor, terdapat cabaran dan masalah yang dihadapi oleh ibu bapa dan guru dalam membentuk kemenjadian murid untuk menerapkan konsep *As-Syaja'ah*, *Al-Iffah* dan *Al-Hikmah*.

**a) As-Syaja'ah**

Cabaran yang dikenalpasti dalam membentuk kemenjadian murid adalah melalui ketabahan. Keadaan ini semakin bertambah apabila pelajar dikeliling dengan ibu bapa yang bekerja sehingga mereka tidak mempunyai masa untuk diluangkan bersama anak-anak mereka.

“mak ayah tak berapa nak peka sangat.. kadang-kadang kalau dimanjakan sangat mereka tak boleh nak absorb pressure atau tekanan. Jadi sekolah penting peranan guru dan pentadbir turut penting termasuk makcik cleaner.. dari pintu masuk jumpa security guard pun main peranan jugak kan dalam kemenjadian murid..”

(Guru Disiplin (GD) / 16.6.2021)

Ketabahan yang diperhatikan oleh penyelidik ialah berjiwa besar dalam diri. Hal ini penyelidik mendapati bahawa terdapat segelintir pelajar telah bekerja sambil belajar. Oleh itu, perkara ini telah memberi kesan kepada diri pelajar sehingga berlaku keciciran dalam pembelajaran disebabkan ketidakhadiran yang tidak memuaskan.

**b) Al-Iffah**

Dalam aspek Al-Iffah turut mempunyai masalah dan cabaran dalam membentuk kemenjadian murid adalah kekeluargaan. Faktor kekeluargaan menjadikan pelajar-pelajar menunjukkan tingkah laku yang kurang baik bagi melepaskan tekanan yang dihadapi mereka. Pembentukan kemenjadian murid menjadi sukar apabila tiada kerjasama yang baik daripada ibu bapa itu sendiri.

“..pelajar yang sering menunjukkan tingkah laku yang tidak baik ni selalunya mereka yang ada masalah keluarga macam mak ayah dah bercerai, tidak tinggal bersama keluarga.. macam di sekolah ni kebanyakan pelajar kita tinggal di Rumah Kanak-Kanak (RKK)..”

(Pengetua Sekolah (P) / 25.6.2021)

“...kadang-kadang bila ada pelajar yang buat masalah, ada positif dan negatif.. ada yang mak ayah terima saja tindakan disiplin yang sekolah bagi kat anak depa tapi ada juga yang mak ayah yang tak boleh terima anak depa buat kesalahan disiplin.. jadi benda tu jadi susah kita nak bentuk tingkah laku murid.. ”

(Guru Disiplin (GD) / 16.6.2021)

Cabaran yang diperolehi adalah penggunaan gajet dalam kalangan pelajar. Penyalahgunaan gajet akan melalaikan pelajar sehingga pembentukan kemenjadian murid itu sukar untuk dilaksanakan oleh guru di sekolah.

**c) Al-Hikmah**

Pembentukan Al-Hikmah dalam membentuk kemenjadian murid turut menjadi cabaran dari segi mendapatkan kerjasama daripada ibu bapa dalam menangani masalah disiplin anak-



anak. Tindakan disiplin yang dikenakan ke atas pelajar akan menimbulkan konflik dalam kalangan ibu bapa. Ibu bapa sukar untuk menerima tindakan yang dikenakan ke atas anak mereka apabila anak mereka melakukan kesalahan disiplin di sekolah. Hal ini dinyatakan oleh guru disiplin sekolah iaitu:

*“...kadang-kadang bila ada pelajar yang buat masalah, ada positif dan negatif.. ada yang mak ayah terima saja tindakan disiplin yang sekolah bagi kat anak depa tapi ada juga yang mak ayah yang tak boleh terima anak depa buat kesalahan disiplin.. jadi benda tu jadi susah kita nak bentuk tingkah laku murid..”*

(Guru Disiplin (GD) / 16.6.2021)

Seperti yang dijelaskan oleh penyelidik mengenai pemerhatian terhadap ketidakhadiran pelajar dan semestinya perkara ini akan dibawa kepada unit disiplin. Ketidakhadiran yang tidak baik akan menjejaskan reputasi pelajar. Penyelidik mendapati terdapat ibu bapa yang tidak memberi kerjasama dan membela anak apabila mereka dikenakan disiplin dengan beralasan tanggungjawab anak lakukan terhadap keluarga.

## PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

### **Kaedah Ibu bapa dan guru Menerapkan Konsep *As-Syaja'ah*, *Al-Iffah* dan *Al-Hikmah* dalam Membentuk Kemenjadian Murid di Sekolah kepada Pelajar.**

Kaedah-kaedah menerapkan konsep *As-Syaja'ah*, *Al-Iffah* dan *Al-Hikmah* kepada pelajar melalui penerapan aspek keagamaan yang bersesuaian, penerapan aspek kerohanian dan keagamaan melalui pendidikan melalui peranan ibu bapa yang bermula dari rumah. Aktiviti yang dijalankan oleh guru di sekolah melibatkan interaksi sosial, komunikasi dan kerjasama antara warga sekolah tersebut (Bronfenbrenner, 1994). Aktiviti sebegini dapat membantu perkembangan pelajar dan kemahiran yang bersesuaian lalu mempengaruhi keperibadian diri dan tabiat diri mereka.

Menurut Ibnu Khaldun (1993), bagi mengelakkan dan melawan hawa nafsu dan godaan syaitan daripada melakukan perbuatan keji dapat diterapkan dengan mengamalkan dan melakukan aktiviti seperti berzikir dan berpuasa sunat. Kaedah ini sama seperti yang dilakukan oleh SMK Guar Nangka dalam mengawal perlakuan pelajar supaya pelajar dapat membezakan perkara baik dan sebaliknya.

Penerapan aspek keagamaan yang bersesuaian dengan pembelajaran pelajar di sekolah dapat dilaksanakan dengan mudah sekiranya ibu bapa bekerjasama dengan guru dalam membentuk tingkah laku pelajar dengan mengikuti perancangan program dan aktiviti yang dijalankan oleh pihak sekolah. Ibu bapa juga seharusnya menghubungi guru untuk mengetahui perkembangan anak mereka di sekolah.

Selain itu, penerapan pendidikan menjadi teras dalam membentuk kemenjadian murid terutamanya dalam agama Islam. Penerapan ini boleh diterapkan melalui aktiviti-aktiviti sunnah, program kerohanian dan sebagainya yang dapat meningkatkan motivasi pelajar dalam bidang agama. Ibu bapa menerapkan melalui teladan yang baik kepada anak-anak di rumah. Ibu bapa juga tidak boleh menunjukkan sikap dan teladan yang tidak baik sama ada

dari segi percakapan dan tingkah laku kerana ia akan mempengaruhi tingkah laku anak-anak pada masa akan datang.

Penerapan ini memainkan peranan penting untuk pelajar mengaplikasikan tingkah laku yang baik semasa dan selepas tamat persekolahan. Peranan ibu bapa dan guru menjadi tunjang utama dalam membentuk kemenjadian murid supaya mereka menjadi insan berguna pada masa akan datang. Apabila penerapan pembentukan kemenjadian murid dapat dilakukan dengan berkesan maka masalah disiplin, tingkah laku yang negatif dan kes jenayah dalam kalangan remaja dapat dibendung.

### **Cabaran dan Masalah dalam Membentuk Kemenjadian Murid melalui *As-Syaja'ah, Al-Iffah dan Al-Hikmah* kepada Pelajar.**

Cabaran dan masalah yang dikenalpasti sepanjang kajian ini dijalankan adalah pengaruh terhadap kemajuan teknologi iaitu telefon. Pada zaman teknologi kini, telefon merupakan satu keperluan yang penting dalam kehidupan manusia. Namun, penggunaan telefon telah disalahguna sehingga berlakunya perubahan tingkah laku yang negatif. Pengaruh permainan video yang mengundang pergaduhan dan keganasan dalam kalangan pelajar merupakan kesan daripada permainan video yang terdapat dalam telefon. Penjelasan daripada beberapa orang ibu bapa turut memberi pandangan yang sama apabila tingkah laku anak mereka mulai berubah dan berada pada tahap yang membimbangkan.

Cabaran dan permasalahan yang dikaji oleh penyelidik pada pandemik COVID-19 adalah realiti pelaksanaan PdPR. Situasi sebegini sememangnya merupakan cabaran terbesar buat guru, ibu bapa dan pelajar terutamanya dalam pembentukan kemenjadian murid dalam pembelajaran atas talian. Kenyataan ini dijelaskan melalui sidang media Astro Awani pada 8 Jun 2021 iaitu PdPR memerlukan intervensi secara lebih terperinci daripada pihak sekolah, komuniti dan pihak lain untuk memwujudkan sebuah ekosistem pembelajaran yang menjurus kepada kemenjadian murid. Keadaan ini menunjukkan pembentukan kemenjadian murid masih perlu diterapkan di rumah dan memerlukan ramai pihak untuk membantu pendidik merealisasikan matlamat ini. Perkara ini membimbangkan pendidik dan ibu bapa dalam menentukan masa depan anak-anak.

Cabaran dan masalah yang seterusnya ialah masalah konflik antara ibu bapa dan guru. Perkara ini sering berlaku pada hari ini dimana ibu bapa tidak dapat menerima sebarang tindakan yang dikenakan terhadap anak mereka apabila anak mereka melakukan kesalahan disiplin. Ibu bapa akan mencuba untuk membela anak mereka dengan menafikan tuduhan yang dikenakan ke atas mereka. Hal ini menyukarkan pembentukan kemenjadi murid dilaksanakan oleh guru tanpa mendapat kerjasama daripada ibu bapa.

## **PENUTUP**

Secara keseluruhannya, penyelidik berharap kajian ini dapat menjawab persoalan-persoalan kajian yang ingin dikenalpasti. Kajian mengenai peranan ibu bapa dan guru dalam membentuk kemenjadian murid di sekolah menengah telah melalui pemerhatian dan sesi tembual dengan 11 orang peserta kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Guar Nangka, Mata Ayer, Perlis. Dapatan kajian telah memperincikan tentang konsep *As-Syaja'ah, Al-Iffah dan Al-Hikmah* dalam membentuk kemenjadian murid yang diterapkan melalui kaedah,

faktor dan cabaran serta permasalahan yang dihadapi oleh ibu bapa dan guru. Di sini, ibu bapa dan guru memainkan peranan penting dalam membentuk kemenjadian murid dan menerapkan konsep As-Syaja'ah, Al-Iffah dan Al-Hikmah dalam diri pelajar seawal usia remaja.

### RUJUKAN

- Azmina Ahmad, Saemah Rahman, & Ruslin Amir. (2014). *Keberkesanan Modul IDEA-i Terhadap Kemahiran Daya Tindak dan Kemenjadian Murid*. Proceeding of the Social Sciences Research, 685–689.
- Cohen, J., & Thapa, A. (2017). School climate improvement: what do U.S. educators believe, need and want? *International Journal on School Climate and Violence Prevention*, 2(1), 90-116.
- Hamzah Uno. (2009). *Mengelola kecerdasan dalam pembelajaran*. Jakarta: Bumi Aksara.
- Hayati Ismail. (2021, Jun 8). '[KOLUMNIS] Tercapaikah kemenjadian murid melalui PdPR?'. *Astro Awani Online*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kolumnis-tercapaikah-kemenjadian-murid-melalui-pdpr-302142>.
- Ibn Khaldun, Abd al-Rahman bin Muhamamad Khaldun al Hadrami. (1993). *Mukadimah Mukadimah Ibn Khaldun*. Terjemahan Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2012). *Metodologi pengumpulan data dalam penyelidikan kualitatif*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mazlina Ismail. (2018, April 2018). 'Akhlik asas bentuk jati diri masyarakat'. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2018/04/416117/akhlik-asas-bentuk-jati-diri-masyarakat>.
- Mohamad Khairi Haji Othman., Mohd Zailani Mohd Yusoff., Alis Puteh & Nurfasihah Roslan. (2017). *Permasalahan dan cabaran guru dalam membentuk nilai pelajar di sekolah menengah*. *Jurnal Sultan Alaudin Sulaiman Shah*, 2289-8042.
- Mohd. Ali Hassan. (2004). *Masalah disiplin dan jenayah di kalangan pelajar-pelajar sekolah di Malaysia*. *Forum Seminar Kebangsaan Pencegahan Jenayah*.
- Mohd Nasarudin Parzi. (2021, April 29). 'Penjelasan PKSK perlu dibuat berterusan'. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/04/812019/penjelasan-pksk-perlu-dibuat-berterusan>.
- Mohd Nor Che Nor. 1990. *Asas Pendidikan Satu Pengenalan*. Petaling Jaya: Flo Enterprise Sdn. Bhd.
- Mohd Syahmir Alias. (2015, 3 Februari). 'Agama: Sifat malu halang kemungkarannya'. *Agama: Sifat malu halang kemungkarannya* (bharian.com.my).
- Mok Soon Sang. (2000). *Pendidikan Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd, Edisi Ketujuh.
- Rahayu Ahamad Bahtiar., Sham Ibrahim., Halijah Ariffin., Nor Hazimah Ismail & Wan Mohd Khairul Wan Isa. (2020). *Peranan dan cabaran pemimpin pendidikan dalam memastikan matlamat dan agenda pendidikan dilestari dalam tempoh perintah kawalan pergerakan (PKP) COVID-19*. Putrajaya: Institusi Aminuddin Baki, Kementerian Pendidikan Malaysia.

- Raihan Mohd Arifin & Kamarul Shukri Mat The. (2019). *Kemenjadian pelajar berasaskan strategi dan pelaksanaan iklim dini: Satu konseptualisasi*. Journal Masyarakat Asian (APJ), 2, PP-54-63.
- Raihan Mohd Arifin., Kamarul Shukri Mat Teh & Noradilah Abdul Wahab. (2018). *Iklim dan budaya sekolah: Kesan terhadap kemenjadian pelajar*. Terengganu: Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Sarifah Nurhanum Syed Sahuri. (2018, Disember 17). 'Asuh pelajar urus emosi, celik akal'. <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2018/12/510012/asuh-pelajar-urus-emosi-celik-akal>.
- Shahabuddin Hashim, Rohizani Yaakub & Mohd. Zahir Ahmad. (2003). *Pedagogi, Strategi dan Teknik Mengajar dengan Berkesan*. Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Suara Sinar. (2019, 13 Disember). 'Nilai murni dalam kalangan pelajar sekolah'. <https://www.sinarharian.com.my/article/61657/SUARA-SINAR/Lidah-Pengarang/Nilai-murni-dalam-kalangan-pelajar-sekolah>.
- Zakaria Stapa., Ahmad Munawar Ismail & Noranizah Yusuf. (2012). *Faktor persekitaran sosial dan hubungannya dengan pembentukan jati diri*. Jurnal Hadhari Special Edition 155-172.
- Zulfahmi Syamsuddin & Wan Hasmah Wan Mamat. (2014). *Perbandingan pemikiran konsep akhlak Al-Ghazali dan Ibn Miskawayh dalam aspek intelek*. The Online Journal of Islamic Education, 2, issue 2.
- Zuraida Zulkapli. (2013). *Kajian kemenjadian murid di sekolah menengah Islam hidayah Johor Bahru, Johor*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.

### **Biodata Penulis**

**Nor Anisah Abd Razak** adalah pelajar siswazah Doktor Falsafah di Pusat Pengajian Pendidikan, Universiti Utara Malaysia, Malaysia,

**Mohamad Khairi Haji Othman** berkelulusan Doktor Falsafah dalam bidang Pendidikan. Berpengalaman hampir 20 tahun dalam bidang Pendidikan. Kini masih bertugas di Pusat Pengajian Pendidikan di Universiti Utara Malaysia, Sintok.